

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMINAR PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PENCEGAHAN DADAH PERINGKAT
NEGERI ANJURAN PERTUBUHAN PERKUMPULAN PEREMPUAN NEGERI SELANGOR,
Lokasi : PETALING JAYA
Tarikh : 07-12-1985

Dif-Dif Kehormat;

Para Peserta Seminar;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negeri Selangor kerana menjemput saya ke majlis ini dan seterusnya untuk merasmikannya. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negeri Selangor ini yang telah mengambil daya usaha mengadakan Seminar Penglibatan Ibu Bapa dalam pencegahan dadah di peringkat negeri setelah pelancaran peringkat Kebangsaan anjuran BAKTI, pada bulan Oktober lalu.

2. Sebagai pertubuhan sukarela wanita yang tertua di negara ini adalah kena pada tempatnya Pertubuhan Perkumpulan Perempuan memainkan peranan sebagai pelopor untuk penglibatan ibu bapa dalam pencegahan dadah, lebih-lebih lagi keanggotaan pertubuhan perkumpulan perempuan adalah menyeluruh di pelbagai peringkat khususnya di luar bandar.

Dengan keahlian yang melebihi 9,000 orang di 150 cawangan di seluruh negeri Selangor, sudah pasti keahlian yang ramai ini dapat dilibatkan untuk mencapai tujuan dan objektif seminar ini.

3. Sebagaimana yang kita sedia maklum, masalah penyalah-gunaan dadah ini merupakan masalah negara.

Kerajaan telah berusaha sedaya-upaya untuk menghapuskan masalah ini. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menyerahkan tugas berat memerangi masalah penyalah-gunaan dadah ini kepada Kerajaan semata-mata. Kita semua adalah bertanggungjawab untuk membantu Kerajaan. Memang benar sudah terdapat badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang telah bergerak cergas membantu Kerajaan dalam hal ini tetapi banyak lagi usaha yang mesti dibuat dan ini memerlukan penglibatan yang lebih dan menyeluruh daripada semua pihak.

4. Saya amat berbesar hati dengan kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negeri Selangor dalam usaha-usaha pencegahan dadah ini.

Saya difahamkan bahawa Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negeri Selangor ini telah melibatkan diri dalam kegiatan pencegahan dadah sejak beberapa tahun lalu. Saya juga diberitahu bahawa sokongan yang diperolehi daripada pihak-pihak lain adalah menggalakkan. Oleh itu, adalah diharapkan bahawa Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negeri Selangor akan dapat meningkatkan lagi kegiatan pencegahan dadah ini.

Para hadirin sekalian.

5. Seminar pada hari ini disertai juga oleh berbagai-bagai pertubuhan di Selangor. Kerjasama seumpama ini adalah amat baik untuk menjayakan sesuatu rancangan. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Kombinasi yang sebegini diharapkan dapat menghasilkan sesuatu yang baik, lebih-lebih lagi disaat kita sedang berusaha untuk membantu negara mencegah masalah penyalah-gunaan dadah.

6. Penglibatan agensi-agensi Kerajaan dan swasta juga amat diperlukan supaya kegiatan kita berjalan serentak dari semua jurusan dan supaya usaha-usaha kita berkesan. Banyak lagi usaha yang mesti dijalankan bagi mengatasi masalah penyalah-gunaan dadah ini dan usaha-usaha ini memerlukan penglibatan aktif dan sepenuhnya daripada semua pihak.

Para hadirin sekalian.

7. Persidangan Kebangsaan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pencegahan Dadah yang dianjurkan oleh BAKTI pada bulan Oktober lalu, di antara lain, telah membincang dan mengenali langkah-langkah yang perlu diambil bagi memerangi wabak dadah ini. Adalah difikirkan bahawa rumusan dan keputusan dari persidangan kebangsaan itu perlu pula disalurkan ke peringkat kampung-kampung, supaya usaha-usaha ini akan menjadi satu usaha sepadu yang konkrit dan bermakna.

8. Bagi menjayakan usaha pencegahan ini, penglibatan ibu bapa adalah amat penting dan paling utama kerana setiap anak-anak datangnya dari rumah. Ibu bapa di rumahlah orang yang paling rapat dengan anak-anak dan mempunyai masa yang panjang untuk bersama-sama mereka. Sebagai jiran dan masyarakat, ibu bapa juga adalah orang yang paling dekat dengan anak jiran dan masyarakat sekitarnya untuk berfungsi sebagai kawan dan daya pengawas, penasihat, penggerak dan pembimbing kepada anak-anak, lebih-lebih lagi kepada anak-anak yang terlibat dengan penyalah-gunaan dadah.

Sebagai ibu bapa, kita secara individu atau secara kumpulan, boleh membantu usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

9. Adalah menjadi harapan kita bersama untuk mewujudkan satu organisasi di mana terdapat penglibatan ibu bapa dalam pencegahan dadah di negara kita ini dan di mana ia dapat berfungsi sebagai satu tenaga yang berpengaruh mengenai perkara-perkara yang melibatkan muda-mudi, khususnya dalam masalah penyalah-gunaan dadah.

10. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya ke majlis ini.

Saya berharap Seminar ini akan melahirkan pandangan-pandangan dan idea-idea yang bernas dan praktikal dalam usaha kita memerangi ancaman dadah dalam masyarakat kita. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar ini.

Terima kasih.